

30/03/2002

Tambak laut: PM bidas sikap Singapura

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

SHAH ALAM, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas Singapura kerana keengganan republik itu bertolak ansur dengan terus menambak lautnya di Selat Tebrau hingga menjejaskan perairan yang dikongsi bersama Malaysia.

"Kalau Singapura nak kita kerjasama dengan dia, dia mesti bekerjasama dengan kita. Kalau dia buat ikut suka hati dia, kita pun boleh buat ikut suka hati kita juga... ini tak baik," kata Perdana Menteri.

Beliau diminta mengulas kenyataan Menteri Pembangunan Negara Singapura, Mah Bow Tan, yang dilaporkan memberitahu Parlimen republik itu, mereka akan terus menambak laut, walaupun menerima rungutan Malaysia yang bimbang ia menjejaskan laluan kapal dan alam sekitar di perairan itu.

Bercakap pada sidang akhbar selepas merasmikan Konvensyen Barisan Nasional (BN) Selangor di sini, Dr Mahathir berkata Malaysia mengharapkan Singapura memberi kerjasama.

Beliau juga percaya kemungkinan kerja penambakan laut di kawasan Tuas, Singapura kini sudah mencerooboh perairan Malaysia apabila ia melepasi boya atau pelampung besar yang menjadi tanda fizikal persempadanan bersama kedua-dua negara.

Ditanya sama ada Malaysia akan meminta Singapura menghentikan kerja penambakan itu buat sementara hingga pertikaian mengenainya selesai, Dr Mahathir berkata:

"Tak tahulah. Timbalan Perdana Menteri Singapura (Lee Hsien Loong) datang sini, dia kata dia nak timbang tetapi dengar menteri lain (Mah) kata nak teruskan juga. Jadi payahlah sikit.

"Kita pun tak boleh bagi kerjasama kalau dia orang tak bagi kerjasama," katanya.

Bagaimanapun katanya, Malaysia sedang membuat kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) di kawasan terbabit dan ia akan mengambil masa untuk siap.

Laporan muka depan akhbar ini baru-baru ini menyebut Singapura dikesan terus menambak pantai, terutama di perairan Tuas dan berhampiran Tanjung Pengelih serta beberapa pulau miliknya yang dipercayai boleh menjejaskan kedudukan perairan Johor.

Penambakan laut yang dilakukan sejak 40 hingga 50 tahun lalu itu adalah sebagai usaha memperluaskan wilayahnya hingga beribu-ribu hektar yang mana kawasan tambakan itu kini menempatkan kilang dan kawasan tanaman.

Laporan yang memetik sumber Bahagian Keselamatan Negeri Johor (BKN) itu juga menyatakan kegiatan yang semakin rancak itu turut mengubah kedudukan daratan Singapura yang bertambah luas, sekali gus menyebabkan kawasan perairan, termasuk Selat Tebrau semakin sempit dan keadaan itu juga menjejaskan perairan Johor.

Mengenai tindakan Pengerusi Eksekutif Technology Resources Industries Bhd (TRI), Tan Sri Tajudin Ramli memohon injunksi mahkamah terhadap Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), Dr Mahathir berkata kes itu terpulang kepada mahkamah.

"Ia sudah ke mahkamah dan terpulang kepada mahkamah untuk menentukannya. Apabila ia membabitkan undang-undang, ia terpulang kepada mahkamah untuk membuat keputusan. Di Malaysia, semua orang mematuhi undang-undang," katanya.

Mengenai laporan New Straits Times hari ini bahawa 12 daripada 14 ketua bahagian Umno Kelantan mahu lima pemimpin Umno negeri ditukar kerana

kononnya tidak menjalankan tugas dengan baik, Dr Mahathir hairan kenapa ia dibawa kepada akhbar.

"Saya tak tahulah, tanya 12 orang ini. Mereka tak beritahu saya pun. Dia (mereka) pergi kepada akhbar dulu, dia utamakan akhbar, dia tak utamakan pemimpin dia," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata, tiada pemimpin politik termasuk Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamad yang akan menyandang jawatan itu selama-lamanya.

Namun, Perdana Menteri berkata, ia bukan bermakna beliau memberi bayangan bahawa Mustapa harus ditukar daripada memegang jawatan itu, yang pernah disandangnya sendiri selama 10 tahun sebelum ini.

"Tidak ada pemimpin yang tetap," katanya.

Laporan itu memetik seorang ketua bahagian mengesahkan semua 12 ketua bahagian mencapai persetujuan bahawa lima penyandang jawatan tertinggi dalam Umno Kelantan harus ditukar.

Mereka ialah Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed; Setiausaha, Datuk Ahmad Rusli Ibrahim; Bendahari, Datuk Dr Nik Hussain Abdul Rahman; Ketua Penerangan, Mohd Noor Deris dan Setiausaha Kerja, Mohd Nawawi Yaacob.

Ditanya sama ada Umno Kelantan perlukan perubahan kepemimpinan, Perdana Menteri mengulangi bahawa tidak ada pemimpin yang menyandang jawatan itu selama-lamanya dan mengakui ada beberapa orang yang tidak menjalankan tugas dengan berkesan.

"Saya dulu pun kena buang dari (jawatan) ketua perhubungan Umno Kelantan, diganti Tengku Razaleigh Hamzah dan selepas itu Tengku Razaleigh berhenti, diganti Mustapa.

"Takkan Mustapa seumur hidup nak jadi Ketua Perhubungan Umno Kelantan, saya pun tak tahan. Sepuluh tahun saya jadi (pegang jawatan itu), dah kena buanglah pasal tak berjaya," katanya.

Mengenai kemungkinan berlaku perubahan kepada kepemimpinan Umno negeri itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu."

(END)